



**KERJA PENGOREKAN DI KAWASAN DERMAGA 4,
LIQUID BULK TERMINAL (LBT),
PELABUHAN BARAT, PELABUHAN KLANG**

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Nakhoda Kapal, Pelaut-Pelaut Tempatan, Malim-Malim Pelabuhan,
Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 13 Mei 2003.

Adalah dimaklumkan bahawa suatu kerja-kerja pengorekan akan dijalankan di kawasan dermaga baru (Dermaga 4), Liquid Bulk Terminal, Pelabuhan Barat selama tempoh kira-kira dua minggu, yang dijangka akan bermula dari 14 Mei - 31 Mei 2003. Bahan-bahan korekan akan dilupuskan di Kawasan Pembuangan Am (*Dumping Ground*) yang terletak di sebelah Barat dari Pulau Pintu Gedung, pada Garisan Lintang 02° 52.75' Utara dan Garisan Bujur 101° 10.75' Timur.

2. Butiran utama vesel yang akan digunakan dalam projek itu, adalah seperti berikut:-

- a) Nama Kapal Korek: MV. HANSA
- b) Jenis Kapal Korek: Trailing Suction Hopper Dredger
- c) Panjang (LOA): 126.82 Meter

3. Sukacita dimaklumkan juga bahawa vesel berkenaan akan memasang isyarat-isyarat siang dan malam yang bersesuaian di sepanjang tempoh projek. Selaras dengan itu, semua vesel (kapal, bot dan bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan-kawasan yang berkaitan dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada vesel terlibat.

Sekian, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah.

- s.k:
- (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
(u.p: Bahagian Keselamatan Pelayaran &
Pegawai Pelabuhan Wilayah Tengah).
 - (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
 - (iii) Pengurus Besar (Kawalselia),
Lembaga Pelabuhan Kelang.